

Latihan Kendiri

A Bulatkan jawapan yang betul.

- 1 Antara berikut, yang manakah **bukan** organ deria yang membantu kita untuk membuat pemerhatian?

A Kulit C Hidung
B Mata D Rambut

- 2 Rajah di bawah menunjukkan aktiviti yang dijalankan oleh seorang murid.



Apakah organ deria yang digunakan oleh murid itu untuk membuat pemerhatian?

A Mata
B Lidah
C Hidung
D Telinga


- 3 Rajah di bawah menunjukkan pengelasan objek berdasarkan ciri X.



Apakah ciri X?

A Bentuk objek
B Lembut dan keras
C Berbau dan tidak berbau
D Berbunyi dan tidak berbunyi

- 4 Amin sedang mengendalikan seekor siput. Apakah alat yang diperlukannya?



- 5 Antara alat-alat berikut, yang manakah boleh dibawa masuk ke Bilik Sains?

I Alat tulis III Buku Sains
II Bekas air IV Beg sekolah
A I dan II C II dan IV
B I dan III D III dan IV

- 6 Rajah di bawah menunjukkan kelakuan dua orang murid di dalam Bilik Sains.



Apakah yang mungkin berlaku akibat kelakuan mereka?

A Ada murid yang tercedera
B Bilik Sains menjadi bersih dan rapi
C Pengajaran guru tidak dapat dijalankan
D Murid lain menjalankan aktiviti pengiasatan sains dengan lancar

7 Pernyataan yang manakah menunjukkan murid yang mematuhi Peraturan Bilik Sains?

- A Devi membuang sisa cecair ke dalam bakul sampah
- B Kelvin menyimpan bikar yang pecah di dalam almari
- C Amy menjalankan penyiasatan sains tanpa kehadiran guru
- D Surez membersihkan semua alat dan radas selepas digunakan

8 Rajah di bawah menunjukkan satu kejadian di dalam Bilik Sains.




Apakah tindakan yang perlu diambil oleh dua orang murid tersebut?

- A Memarahi murid lain
- B Tidak mengambil apa-apa tindakan
- C Memaklumkan kepada guru dengan segera
- D Membersihkan serpihan kaca dengan tangan

9 Antara berikut, yang manakah menunjukkan peringkat tumbesaran manusia yang betul?

- A Bayi → remaja → kanak-kanak → dewasa
- B Bayi → kanak-kanak → remaja → dewasa
- C Dewasa → remaja → kanak-kanak → bayi
- D Remaja → kanak-kanak → dewasa → bayi

10 Antara pakaian berikut, yang manakah paling sesuai dipakai oleh bayi?



11 Antara ciri-ciri berikut, yang manakah tidak boleh diwarisi oleh anak daripada ibu bapa?

- A Ketinggian
- B Jenis rambut
- C Warna iris mata
- D Ilmu pengetahuan

12 Antara ciri-ciri berikut, yang manakah mengalami perubahan semasa tumbesaran manusia?

- I Tinggi III Warna kulit
- II Saiz badan IV Berat badan
- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV


13 Rajah di bawah menunjukkan Wani dan ibunya.



Apakah ciri yang diwarisi oleh Wani daripada ibunya?

- A Warna kulit C Jenis rambut
- B Bentuk mata D Bentuk muka

B Jawab soalan-soalan di bawah.



Rajah di sebelah menunjukkan aktiviti yang dijalankan oleh Darren untuk mengasingkan objek kepada dua kumpulan. Apakah kemahiran proses sains yang dialkannya?

2 Padankan kemahiran proses sains dengan definisi yang betul.



(a) Mengukur dan menggunakan nombor

(i) Menyampaikan maklumat dalam pelbagai bentuk


(b) Berkomunikasi

(ii) Mengukur dan menggunakan alat dan unit piawai yang betul

3 Tulis bentuk kemahiran komunikasi berdasarkan rajah di bawah.



4 Rajah di bawah menunjukkan aktiviti yang dijalankan oleh Kelly.



Apakah kemahiran manipulatif yang dijalankan oleh Kelly? Bulatkan jawapan yang betul.

Mengendalikan (peralatan sains, bahan sains, spesimen) dengan betul dan cermat.

5 Apakah yang perlu dilakukan sebelum masuk ke Bilik Sains? Tandakan (✓) bagi jawapan yang betul.

☐

(a) Membawa beg sekolah

☐

(b) Beratur dan menunggu guru

☐

(c) Bermain dan bergurau dengan kawan

- 6 Rajah di bawah menunjukkan tinggi dan berat badan tiga orang murid yang berumur lapan tahun.



Nel
107 cm
26 kg



Eddy
117 cm
32 kg



Azim
120 cm
28 kg

- (a) Siapakah yang paling tinggi?

- (b) Siapakah yang paling rendah?

- (c) Susun tiga orang murid itu daripada yang paling ringan kepada yang paling berat.

- (d) Berdasarkan jawapan kamu di 6 (a), (b) dan (c), lengkapkan pernyataan yang berikut.

_____ manusia adalah berbeza antara individu walaupun pada usia yang _____.

- 7 Rajah di bawah menunjukkan ciri-ciri luaran ibu dan Chen Ming.

Ciri-ciri ibu:

- Warna iris mata coklat
- Warna kulit cerah
- Jenis rambut kerinting hitam



Ciri-ciri Chen Ming:

- Warna iris mata coklat
- Warna kulit cerah
- Jenis rambut lurus hitam

- (a) Apakah ciri-ciri yang diwarisi oleh Chen Ming daripada ibunya?

- (b) Ramalkan jenis rambut bapa Chen Ming.

- (c) Tulis **satu** ciri yang tidak dapat diwarisi.

F Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 1 Manusia membiak secara _____.
- 2 Manusia mengalami perubahan _____, _____ dan _____ sepanjang tumbesaran.
- 3 Walaupun sama umur, tumbesaran manusia adalah _____ antara satu sama lain.
- 4 Kita boleh mewarisi ciri-ciri daripada _____, _____ atau _____.

berbeza tinggi	saiz bapa	melahirkan anak berat badan	ibu keturunan
-------------------	--------------	--------------------------------	------------------

G Bulatkan ciri-ciri yang boleh diwarisi oleh anak daripada ibu bapa atau keturunan.

